

**AKHBAR : THE STAR**  
**MUKA SURAT : 1**  
**RUANGAN : FRONT PAGE**

THURSDAY 20 FEBRUARY 2025 • PP19652/12/2020 (035234) RM3.00



THE STAR MIS 1 N/D 20/2/2025 (KHAMIS)

## UTAR Hospital to offer more holistic healthcare

UTAR Hospital in Kampar, Perak, which has already recorded more than 130,000 patient visits since 2022, will now look towards introducing Malay traditional medicine in the future. This is to complement its Western, Chinese and Ayurvedic medicine approach.

> See reports on page 5 by ANNABELLE LAWRENCE



**Royal guest:** Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah touring the Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Hospital grounds while being accompanied by (front, from left) UTAR president Prof Datuk Dr Ewe Hong Tat and UTAR Hospital board chairman Tan Sri Dr Chuah Hean Teik during the hospital's official launch. — Bernama

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NATION

THE STAR MIS S NATION 20/2  
25 (PMA)

## Dzulkefly pledges to fight stigma for peace of mind

By RAGANANTHINI VETHASALAM  
raga@thestar.com.my

**BANGI:** After declaring war on sugar, smoking and salt, Health Minister Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad (pic) has now waged a new war against stigmatisation to combat the rising mental health burden.

"I had (waged war) against the three S when I returned as Health Minister," he said during his speech at the Mental Health Convention 2025 here yesterday.

After the war on sugar, smoking and salt, the fourth is the war on stigma," he added.

"You love me, you hate me, I have no choice. The Prime Minister brought me back to complete my u n a c c o m p l i s h e d

reforms," he said, adding that he has come back to see through the agenda of a healthy nation.

Citing statistics, Dzulkefly said the National Health and Morbidity Survey (NHMS) 2023 revealed that one million Malaysians above age 16 suffered from depression while the number of mental health issues among adolescents doubled from 424,000 (8%) in 2019 to 922,000 (16.5%) in 2023.

The prevalence of suicidal ideation and suicide attempts among adolescents showed an increase too.

"According to the World Health Organisation, health is a state of complete physical, mental and social well-being and not merely the absence of disease or infirmity. The definition clearly shows that mental and physical health go hand in hand," he said.

He said mental health problems have also led to economic losses to the tune of trillions globally due to absenteeism and presenteeism.

Absenteeism is the practice of regularly staying away from work without good reason while presenteeism refers to the loss of productivity that occurs when employees are not fully functioning in the workplace.

Dzulkefly said as long as stigmatisation exists, those who suffer from mental health conditions will not come forward to seek help and treatment.

He added the ministry had carried out several initiatives including the Let's Talk campaign in 2018 and the Stop Stigma, Mental Health Belongs to Everyone (Hentikan Stigma, Kesihatan Mental Milik Semua).

To increase mental health literacy, the Minda Sihat roadshows were held across five states namely Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Melaka and Pahang.

Under Budget 2025, a total of RM24.6mil has also been allocated to strengthen mental health services and increase the capacity of the National Centre of Excellence for Mental Health.





AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 5  
RUANGAN : NATION

THE STAR MIS 5 NATION 8 20/2/2025 (KHAMIS)

# UTAR Hospital in demand



**Guests of honour:** (From left) Chief executive officer and medical director of UTAR Hospital Datuk Dr Ding Lay Ming, Sak's wife: Puan Sri Irene Sak, Liow, Ting, Dr Wee, Ena Ling and Dr Ling. — RONNIE CHIN/The Star

## Over 130,000 patient visits recorded since opening in 2022

By ANNABELLE LAWRENCE  
annabelle@thestar.com.my

**KAMPAR:** Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) Hospital is in demand, recording more than 130,000 patient visits since opening its doors in 2022, says MCA president Datuk Seri Dr Wee Ka Siong.

He said UTAR Hospital stood out because of its approach in combining Western medicine with traditional and complementary medicine (TCM) to provide a more holistic healthcare experience.

"The TCM Centre, which offers Chinese and Ayurvedic medicine, has already treated 100,000 patients from across the country since its launch in April 2022.

"The (Western) medical centre of the hospital has received more than 35,000 patient visits since it started its operation in August 2023.

"This demonstrates a strong demand for integrative healthcare solutions," he said in his Facebook page yesterday.

The Western medical centre

began its operation in August 2023 while TCM started in April 2022.

Dr Wee was also present during the launch of the hospital here by Sultan of Perak Sultan Nazrin Muizzuddin Shah.

His Royal Highness was accompanied by Perak Menteri Besar Datuk Seri Saarani Mohamad.

Also present were UTAR chancellor Tun Dr Ling Liong Sik and wife Toh Puan Ena Ling, UTAR council chairman Tan Sri Dr Ting Chew Peh, MCA vice-president Datuk Tan Teik Cheng, former MCA president Tan Sri Liow Tiong Lai, former MCA secretary-general Tan Sri Ong Ka Chuan, UTAR Education Foundation Board of Trustees chairman Tan Sri Dr Sak Cheng Lum and UTAR president Prof Datuk Dr Ewe Hong Tat.

The hospital was established with the support of UTAR Education Foundation, alongside generous contributions from philanthropist, donors and the public.

The not-for-profit hospital offers affordable healthcare ser-

vices and integrated healthcare facilities.

It is also a teaching and community hospital at the university campus here.

In his speech, the hospital's board chairman Tan Sri Dr Chuah Hean Teik said they offer services in internal medicine, orthopaedics and traumatology, obstetrics and gynaecology, psychiatry, paediatrics, general surgery, emergency medicine, and dental and oral surgery.

"The facilities include out-patient and in-patient treatment, diagnostic and treatment centres, medical and non-medical supportive services, research and education facilities," he said.

He said the hospital was developed in phases, with an initial complex comprising 250 beds for Western medicine and 100 beds for TCM.

Malay traditional medicine will be introduced in the future, he said.

"There is also a provision to expand by an additional 250 beds in the future when the need arises.

"Our paediatric services have been expanded to include evening clinics to facilitate parents seeking treatment for their children after working hours," he added.

He also said that the ear, nose and throat (ENT), ophthalmology and cardiology services will be introduced in the middle of this year.

"In the near future, we will focus on niche areas such as key-hole and robotic surgeries, oncology, cardiovascular and cardiothoracic services, stem cell applications for regenerative medicine, advanced cell-based therapies like immunotherapy and advanced stroke care," he said.

Star Media Group Bhd chairman Tan Sri Wong Foon Meng congratulated UTAR on establishing the hospital.

"We are glad to be one of the contributors or the donors to this hospital. Together, we wish to complement each other.

"We hope it can be expanded further with more departments and categories of medicine to be established and be offered to the public," he added.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA  
MUKA SURAT : 1  
RUANGAN : MUKA DEPAN

UTUSAN MALAYSIA MISI M/D 20/2/2025 CKHAMIS

KKM arah doktor pakar wujudkan suasana kerja yang kondusif di hospital kerajaan

# Henti budaya buli doktor

Oleh ARIF AIMAN ASROL  
dan AIMAN ALI  
utusannews@mediamulla.com.my

**KUALA LUMPUR:** Pegawai-pegawai perubatan kanan termasuk doktor pakar mempunyai tanggungjawab dalam mewujudkan suasana kerja yang kondusif

bagi memastikan budaya buli di hospital dan klinik kesihatan dapat ditamatkan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) atau doktor pelatih kebiasaannya sering menjadi sasaran gejala buli yang berlaku di

hospital.

"Sangat mustahak untuk kita mewujudkan apa yang diistilahkan sebagai *just working environment* (suasana kerja kondusif) di fasiliti-fasiliti kesihatan bukan sahaja di Kementerian Kesihatan sahaja.

"Untuk kita mewujudkan

suasana di tempat kerja yang penuh empati, adil dan menghormati antara satu sama lain iaitu yang *senior* menghormati *junior* itu sangat mustahak. Peranan pegawai perubatan semua peringkat adalah sangat mustahak," katanya di Dewan Rakyat semalam.

Beliau menjawab soalan Gannabattirau Veraman (PH-Klang) mengenai mekanisme untuk mengekang budaya buli doktor pelatih dan jururawat serta tidak dieksploitasi oleh pegawai-pegawai atasan.

Bersambung di muka 2 +

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 2

RUANGAN : DALAM NEGERI

UTUSAN MALAYSIA M/S 2 D/N 20/2/2025 (KHAMIS)



DZULKEFLY Ahmad pada sesi jawab lisan di Dewan Rakyat semalam. - JABATAN PENERANGAN MALAYSIA

## Henti budaya buli doktor

### Dari muka 1

Dzulkefly berkata, walaupun Kementerian Kesihatan mempunyai pelbagai langkah khusus yang diwujudkan bagi menangani budaya buli di fasiliti-fasilitinya tetapi peranan dimainkan oleh pegawai-pegawai perubatan kanan itu lebih penting.

“Pada saya adalah mustahak untuk kita bertanggungjawab, khasnya ketua-ketua jabatan, perunding kanan, doktor pakar dan sebagainya untuk memastikan serta mewujudkan budaya kerja yang adil, saksama dan penuh empati.

“Ini supaya kita dapat lahirkan kerja berpasukan yang mantap, padu dan penuh belas ihsan,” katanya.

Dalam perkembangan lain, Dzulkefly berkata, Kementerian Kesihatan menyasarkan melantik seramai 3,000 pegawai perubatan siswazah (PPS) atau doktor pelatih untuk

ditempatkan di 49 Hospital Latihan Siswazah (HLS) di seluruh negara.

Kini pelantikan PPS dilaksanakan sebanyak enam kali setahun dengan sela masa dua bulan berbanding dengan tempoh menunggu lebih satu tahun pada sebelum ini.

Katanya, seramai 3,316 graduan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) pada tahun lalu sudah dilantik sebagai doktor pelatih dan ditempatkan di HLS seluruh negara.

“Bagi tahun ini, Kementerian Kesihatan menyasarkan akan melantik seramai 3,000 PPS yang akan ditempatkan di 49 HLS di seluruh negara.

“Bagi suku pertama tahun ini, Kementerian Kesihatan telah melantik secara kontrak seramai 1,114 Pegawai Perubatan gred UD9 untuk menjalani latihan siswazah di 49 HLS seluruh negara,” katanya di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Ga-

nabতিরূ Veraman (PH-Klang) berhubung jumlah doktor pelatih diserap pada 2024 dan jangkaan Kementerian Kesihatan pada tahun ini.

Beliau berkata, tiada doktor pelatih yang didapati meninggalkan kerjaya sebagai pegawai perubatan kerana kecewa dan terpaksa menunggu tempoh yang lama untuk ditempatkan di HLS.

“Dulunya betul, PPS sebelum 2016 diberi gred UD9 itu sebagai penjawatan tetap tetapi selepas itu kita mengambil pendekatan untuk memberikan mereka kontrak.

“Semasa penggal pertama saya iaitu 2019, kita ada lebih 6,300 bagi mereka yang balik sama ada dari tempatan atau luar negara tetapi pada hari ini mereka hanya 3,316. Penurunannya hampir 50 peratus.

“Itu adalah hakikat dan kenyataannya, mereka tidak meninggalkan kerjaya ini lagi sebab perlu menunggu,” katanya.



AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : 8  
RUANGAN : NASIONAL

BH M/S 8 N/A 20/2/2025 (KH)

## 3,316 graduan dilantik pegawai perubatan siswazah

**Kuala Lumpur:** Semua 3,316 graduan perubatan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC) tahun lalu, dilantik sebagai pegawai perubatan siswazah (PPS) di Hospital Latihan Siswazah (HLS) di seluruh negara.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata kejayaan itu dicapai hasil pelaksanaan pelantikan PPS enam kali setahun dengan sela dua bulan, berbanding tempoh menunggu lebih setahun sebelum ini.

“Sepanjang tahun ini, Kementerian Kesihatan (KKM) mensasarkan untuk melantik 3,000 PPS untuk ditempatkan di 49 HLS di seluruh negara.

“Bagi suku pertama tahun ini, KKM sudah melantik seramai 1,114 Pegawai Perubatan Gred UD9 secara kontrak untuk menjalani latihan siswazah di 49 HLS seluruh negara,” katanya pada sesi soal jawab di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan V Ganabatirau (PH-Klang) yang meminta dinyatakan bilangan doktor pelatih diserap ke dalam fasiliti kesihatan negara sepanjang tahun lalu serta jangkaan untuk 2025, khususnya di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

**AKHBAR : BERITA HARIAN**  
**MUKA SURAT : 8**  
**RUANGAN : NASIONAL**

BERITA HARIAN MISC NASIONAL 20/2/2025 (KHAMIS)

## KKM lancar kempen 'Perangi Stigma' pesakit mental

**Bangi:** Kementerian Kesihatan (KKM) melancarkan kempen 'Perangi Stigma' (War on Stigma) bagi menghapuskan stigma dan diskriminasi masyarakat terhadap kesihatan mental di negara ini.

Ia adalah kempen 'S' keempat yang dilancarkan KKM, selepas tiga kempen 'S' yang dilaksanakan sebelum ini, iaitu 'Perangi Gula' (*War on Sugar*), 'Perangi Merokok' (*War on Smoking*) dan 'Perangi Garam' (*War on Salt*).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad, berkata banyak mitos dan salah faham terhadap kesihatan mental, dengan ada yang menganggap pesakit mental sebagai individu yang lemah, tidak kuat iman atau sekadar mencari perhatian.

"Stigma dan diskriminasi terhadap pesakit mental menyebabkan individu yang menghidapinya enggan, segan atau lewat mendapatkan bantuan profesional yang mereka perlukan.

"Persepsi ini harus segera diubah supaya lebih ramai tampil mendapatkan rawatan yang sepatutnya diterima," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap melancarkan Konvensyen Kesihatan Mental 2025 di sini, semalam.

Dr Dzulkefly berkata, data menunjukkan isu kesihatan mental menyumbang kepada kehilangan produktiviti ekonomi global mencecah AS\$1 trilion (RM4.4 trilion) setiap tahun akibat ketidakhadiran kerja dan pengurangan keberkesanan tenaga kerja.

Justeru, melalui Belanjawan 2025, Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim memperuntukkan RM24.6 juta bagi memperkukuh perkhidmatan kesihatan mental, termasuk memperluaskan akses kepada rawatan psikologi dan meningkatkan kapasiti Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan (NCEMH).

Mengulas senario dalam negara, Dr Dzulkefly menyifatkan, peningkatan beban masalah kesihatan mental membimbangkan, yang mana berdasarkan Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2023, seramai sejuta rakyat Malaysia berusia 16 tahun ke atas mengalami masalah kemurungan.



Dr Dzulkefly menyempurnakan gimik Perasmian Konvensyen Kesihatan Mental Peringkat Kebangsaan 2025 di Bangi, semalam. (Foto BERNAMA)

Selain itu, data juga menunjukkan peningkatan dua kali ganda isu kesihatan mental dalam kalangan kanak-kanak dan remaja, dari 424,000 orang pada 2019 kepada 922,000 orang pada 2023.

Pada masa sama, Laporan Indeks Kesihatan Mental Belia pada

2023 juga menunjukkan skor 72 peratus, iaitu pada tahap sederhana memuaskan.

"Terdapat juga peningkatan tingkah laku bunuh diri dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun, yang mana prevalen idea bunuh diri meningkat

dari 10 peratus pada 2017 kepada 13 peratus pada 2022, manakala prevalen cubaan bunuh diri meningkat dari tujuh peratus kepada 9.5 peratus.

"Situasi ini memerlukan perhatian serius daripada semua pihak. Inilah sebabnya saya sering menekankan keperluan pendekatan seluruh negara dan pendekatan seluruh masyarakat bagi menangani isu ini dengan lebih berkesan," katanya.

Dr Dzulkefly memaklumkan, KKM melaksana pelbagai inisiatif bagi menangani isu kesihatan mental, termasuk kempen *Let's TALK* pada 2018 dan 'Hentikan Stigma, Kesihatan Mental Milik Semua' yang bermula pada 2023, dengan pelbagai program capaian bagi meningkatkan kesedaran masyarakat.

Katanya, satu daripada inisiatif utamanya adalah Siri Jelajah Minda Sihat, yang dianjurkan di lima negeri, iaitu Selangor, Kuala Lumpur, Kedah, Melaka dan Pahang, membabitkan sesi perkongsian ilmu dan aktiviti sokongan yang berbentuk interaktif kepada pelbagai lapisan masyarakat.



AKHBAR : KOSMO  
MUKA SURAT : 9  
RUANGAN : NEGARA

KOSMO M/S 9 NEGARA 20/2/2025 (KHAMIS)



SUASANA kerja yang kondusif perlu diwujudkan di fasiliti kesihatan bagi elak doktor pelatih terus menjadi mangsa buli. – GAMBAR HIASAN

# Doktor pelatih jadi mangsa buli

- Persekitaran fasiliti kesihatan perlu diubah
- Suasana perlu ada kerja kondusif dan penuh empati

Oleh ZULKIFLI MANZOR

**PETALING JAYA** – Dewan Rakyat semalam dimaklumkan, doktor pelatih (HO) merupakan golongan yang sering menjadi sasaran utama perbuatan buli di fasiliti kesihatan.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad berkata, suasana persekitaran kerja yang kondusif perlu diwujudkan bagi mengatasi masalah itu.

“Sasaran utama selalunya HO.. *housemanship*. Saya tekan kan sekali lagi sangat mustahak untuk kita mewujudkan *adjust working environment* di fasiliti kesihatan.

“Mewujudkan suasana persekitaran kerja yang kondusif,

## DEWAN RAKYAT

penuh empati, adil dan menghormati satu sama lain. *Senior consultant* turut menghormati *junior doctor*, pegawai perubatan (MO) dan juga HO,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tambahan V. Ganabathirau (**PH-Klang**) berhubung langkah Kementerian Kesihatan (KKM) untuk mengekang budaya membuli doktor pelatih dan jururawat oleh pihak atasan mereka.

Dalam pada itu, Dzulkefly berkata, sebanyak 49 Hospital Latihan Siswazah (HLS) di seluruh negara ketika ini bagi menempatkan pegawai perubatan siswazah (PPS) yang bermula tahun 2016.

“Penantian suatu penyeksan kerana setahun mereka menanti untuk mendapat tempat sebagai PPS.

“Sekarang ini kita tidak lagi mendapati mereka kecewa lantas meninggalkan kerjaya perubatan yang menjadi minat mereka. Tidak lagi timbul isu seperti itu. Setiap dua bulan kita buat pengambilan,” katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Dr. Zulkafperi Hanapi (**Bebas-Tanjong Karang**) berapa jumlah graduan perubatan yang berputus asa untuk menjadi doktor kerana menunggu lama untuk diserap sebagai doktor pelatih.

Dzulkefly berkata, pelantikan PPS dilakukan sebanyak enam kali setahun dengan selang masa dua bulan berbanding tempoh menunggu satu tahun sebelum ini.

Menurut beliau, seramai 3,316 graduan yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia telah dilantik sebagai PPS dan ditempatkan di HLS di seluruh negara.



**AKHBAR : SINAR HARIAN**  
**MUKA SURAT : 11**  
**RUANGAN : NASIONAL**

SINAR HARIAN m/s 11 NASIONAL 20/2/2025 (KHAMIS)

KKM ingatkan ibu bapa peka perubahan kesihatan anak-anak

Oleh IZWAN ROZLIN  
KUALA LUMPUR

**K**ementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengakui cabaran utama dalam menangani peningkatan kes kanser dalam kalangan kanak-kanak adalah ketiadaan program saringan khu-

# Kesedaran awal kunci utama tangani kanser kanak-kanak

sus yang bersesuaian bagi pengesanan awal penyakit itu.

KKM menerusi satu kenyataan memaklumkan, berdasarkan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) program saringan percuma bagi kanser kanak-kanak sukar dilaksanakan kerana tiada bukti kukuh menyokong keberkesannya dalam populasi umum.

"Secara amnya, saringan untuk kanser kanak-kanak tidak bersesuaian kerana tiada bukti saintifik yang menyokong pelaksanaannya secara meluas.

"Namun, dalam kes tertentu, saringan boleh dipertimbangkan bagi populasi berisiko tinggi seperti pesakit retinoblastoma yang ada sejarah keluarga.

"Bagaimanapun, punca genetik hanya menyumbang kepada sebilangan kecil kes kanser dalam kalangan kanak-kanak," menurut kenyataan itu.

Jelas KKM, kanser kanak-kanak hanya dapat dikesan melalui pemerhatian gejala dan tanda awal.

"Pengesanan awal kanser kanak-kanak sangat bergantung kepada kesedaran ibu bapa dan pengamal perubatan mengenai simptom dan tanda-tanda awal.

"Namun, pengetahuan ibu bapa mengenai perkara ini masih rendah, menyebabkan mereka kurang peka terhadap sebarang perubahan kesihatan anak-anak," menurut KKM.

Justeru, usaha meningkatkan kesedaran masyarakat, terutamanya ibu bapa, amat penting agar mereka dapat mengenal pasti tanda-tanda awal penyakit itu dan segera mendapatkan rawatan.

Menurut KKM, strategi terbaik dalam menangani penyakit ini adalah menerusi pengesanan awal yang melibatkan kesedaran



Menurut KKM, kanser kanak-kanak hanya dapat dikesan melalui pemerhatian gejala dan tanda awal. - Gambar hiasan

gejala, penilaian klinikal serta akses segera kepada rawatan.

"Apabila kanser dikesan lebih awal, pesakit lebih berpeluang untuk sembuh, kos rawatan dapat dikurangkan, dan kualiti hidup mereka dapat dipertingkat-

kan," katanya.

Sementara itu, KKM menafikan dakwaan bahawa suntikan vaksin Covid-19 menjadi punca peningkatan kes kanser, termasuk dalam kalangan kanak-kanak.



Laporan muka depan Sinar Harian pada 16 Februari lalu.

AKHBAR : THE STAR  
MUKA SURAT : 7  
RUANGAN : NATION

THE STAR M17 NATION 20/2/2025 (KHAMIS)

# Nine leprosy cases detected

## Two Orang Asli villages in Kuala Pilah quarantined after teen girl's death

By **SARBAN SINGH**  
sarbans@thestar.com.my

**SEREMBAN:** Two Orang Asli villages in Kuala Pilah have been quarantined after nine leprosy cases were reported in the area, including one death, says Datuk Seri Aminudin Harun.

The Menteri Besar said the Jeram Tengkek Ecopark located on the peripheries of the two villages has also been closed indefinitely to prevent the disease from spreading.

"I was shocked when informed by senior state exco member (Datuk Seri Jalaluddin Alias) about the nine cases in Kg Chergun and Kg Guntur.

"Sadly, an 18-year-old girl from Kg Chergun died two days ago at her home after coming down with fever for about a week," he

said after chairing the state exco meeting at Wisma Negri.

Jalaluddin, who was also present, said most of the nine individuals are from separate families.

"Five individuals were from Kg Chergun and four others from Kg Guntur," he said, adding that the health authorities are also investigating how the disease spread in the two villages.

Jalaluddin said the health authorities carried out a screening exercise on 65% of the villagers last month and another one was conducted on Feb 15.

He said the Jeram Tengkek Ecopark had to be closed to prevent outsiders from coming into the area.

"We do not want to take any risk by allowing outsiders into the ecopark. For now, it will remain closed," he said, adding that another screening exercise will be carried out at Kg Guntur on Feb 22.

He said Juasseh assemblyman Puan Sri Bibi Sharliza Mohd Khalid and the relevant government departments and agencies will assist the Orang Asli from the two villages for the duration of the quarantine.

"It is important that we bring the situation under control first. So, we will send in whatever assistance is required by the Orang Asli during this period," he said.

On a separate matter, Aminuddin said female state government employees will be allowed to go home at 2pm on Fridays during Ramadan.

"They will have to report for work at 7.30am and work till 2pm without taking a break during lunch time," he added.

### What is leprosy?

Leprosy, also known as **Hansen disease**, is a chronic infectious disease caused mainly by a type of bacteria called **Mycobacterium leprae**.

It primarily affects the **skin**, the **peripheral nerves**, the mucosa of the **upper respiratory tract** and the **eyes**.

It is transmitted via **droplets** from the nose and mouth of infected persons during **close, frequent contact**.


It **does not spread** through casual contact (like shaking hands or hugging, sharing meals or sitting next to each other).

The disease can be cured with **Multi-Drug Therapy (MDT)** taken daily for a period of **six to 18 months**.



### Leprosy cases in Malaysia

The Health Ministry aims for zero cases by 2030.



Sources: World Health Organization and news reports

The Stargraphics



AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 14

RUANGAN : NASIONAL

SINAR HARIAN M/S 14 NASIONAL 20/2/2025 (KHAMIS)

# Jururawat maut nahas di Lebuhraya Kajang-Silk

Motosikal ditunggangi mangsa langgar lori di lorong kecemasan

Oleh HSIYAMUDDIN AYUB  
SEPANG

Seorang jururawat maut apabila motosikal ditungganginya melanggar belakang sebuah lori yang berhenti di lorong kecemasan sebelum digilis pula oleh kenderaan lain di Lebuhraya Kajang-Silk di sini pada Selasa.

Timbalan Ketua Polis Daerah Sepang, Superintenden G K Shan Gopal berkata, kejadian kira-kira jam 1 petang itu turut melibatkan dua buah kenderaan lain di Kilometer 28.2 Lebuhraya Kajang-Silk.

Menurut beliau, jururawat berusia 29 tahun itu maut di tempat kejadian.

Jelas beliau, kejadian berlaku ketika mangsa menunggang motosikal dari arah Cheras Jaya menghala ke tempat kerjanya.

"Apabila sampai di tempat kejadian, mangsa dipercayai telah ter-



Tangkap layar video tular memaparkan motosikal mangsa melanggar belakang sebuah lori yang berhenti di lorong kecemasan sebelum dilanggar pula oleh kenderaan lain di Lebuhraya Kajang-Silk, Selangor, pada Selasa.



langgar belakang sebuah lori tiga tan yang berhenti di lorong kecemasan kerana mengalami masalah teknikal.

"Akibat dari pelanggaran itu, mangsa kemudiannya tercampak ke sebelah kanan jalan dan digilis sebuah kereta jenis Perodua Bezza yang kemudian dilanggar pula oleh sebuah kereta lain jenis Perodua Alza," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Beliau memberitahu, siasatan masih diteruskan dan kemalangan

itu disiasat di bawah Seksyen 41(1) Akta Pengangkutan Jalan (APJ) 1987.

Jelasnya, semua yang terlibat dalam kejadian kemalangan tersebut telah tampil membuat laporan dan memberi keterangan kepada pihak polis.

"Orang ramai yang mempunyai maklumat berkaitan kejadian itu boleh menghubungi Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Sepang atau pegawai penyiasat, Inspektor Mohamad Fadzil Zainol Abidin di talian 019-6488474," katanya.



AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 15

RUANGAN : RENCANA

## Rencana

Utusan Malaysia  
KHAMIS • 20 FEBRUARI 2025

15

UTUSAN MALAYSIA M/S 15 RENCANA 20/2/2025 (KHAMIS)

# Malaysia perlu jadi peneraju bidang perubatan pergigian halal

## UJAM BERHUKAH

Oleh  
Mohd Haikal  
Mubamad Hafiz

**P**ERGIGIAN halal merupakan satu cabang dalam industri kesihatan yang semakin mendapat perhatian seiring dengan pertumbuhan populasi Muslim global. Dengan lebih daripada dua bilion umat Islam di seluruh dunia, permintaan terhadap perkhidmatan pergigian halal meningkat dengan pesat.

Konsep pergigian halal bukan hanya tertumpu pada penggunaan bahan pergigian yang diperakui halal, tetapi juga melibatkan etika penjagaan pesakit, bioetika Islam dan pematuhan kepada prinsip syariah. Oleh itu, Malaysia, sebagai peneraju utama industri halal global, berada dalam kedudukan strategik untuk membangunkan serta memperluaskan sektor pergigian halal bagi memenuhi keperluan masyarakat Islam secara menyeluruh.

Malaysia telah lama dikenali sebagai perintis dalam ekonomi halal, dan kejayaan pensijilan halal Malaysia (MSI500:2019) menetapkan piawaian antarabangsa dalam pelbagai sektor termasuk makanan, kosmetik, farmaseutikal dan kini, pergigian.

Integrasi prinsip halal dalam sektor pergigian Malaysia semakin berkembang, terutamanya dalam memastikan bahan pergigian, farmaseutikal dan prosedur klinikal mematuhi garis panduan Islam.

Salah satu perkembangan utama dalam bidang ini ialah peningkatan permintaan terhadap bahan pergigian yang diperakui halal. Beberapa produk pergigian seperti varnis fluorida, bahan komposit dan bahan cetakan kini dihasilkan tanpa alkohol atau bahan berasaskan babi.

Selain itu, terdapat usaha yang lebih besar untuk mengamalkan penjagaan pesakit yang patuh syariah, memastikan rawatan memenuhi prinsip bioetika



MASA hadapan pergigian halal di Malaysia sangat cerah, dengan potensi besar untuk menjadi peneraju global dalam bidang ini.

Islam tanpa mengabaikan aspek keselamatan dan keberkesanan klinikal.

Industri pelancongan perubatan halal di Malaysia turut menyumbang kepada perkembangan pergigian halal dengan menarik pesakit Muslim antarabangsa yang mencari perkhidmatan kesihatan berdasarkan kepercayaan agama mereka. Hal ini seiring dengan visi Malaysia untuk menjadi hab halal global, menarik pesakit dari negara seperti Arab Saudi, Emiriyah Arab Bersatu (UAE) dan Indonesia.

### FIQH PERGIGIAN

Walaupun kemajuan teknologi dan sains dalam bidang pergigian berkembang pesat, fiqh pergigian masih relevan dalam memberikan panduan kepada doktor gigi Muslim serta pesakit Islam. Prinsip Islam memainkan peranan penting dalam menentukan rawatan yang dibolehkan dari sudut syariah serta memastikan bahan yang digunakan tidak melanggar hukum agama.

Salah satu persoalan yang sering timbul ialah sama ada rawatan pergigian boleh membatalkan puasa. Ramai pesakit Muslim menanggukkan rawatan pergigian semasa Ramadan kerana tidak pasti tentang kesannya terhadap puasa.

Menurut Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam Malaysia (Jakim, 2005), rawatan pergigian tidak membatalkan puasa

“**Negara-negara seperti Malaysia, Indonesia dan UAE mempunyai badan pensijilan halal yang kukuh tetapi standard ini masih belum diiktiraf secara universal.**”

kecuali jika bahan pergigian ditelan dengan sengaja. Ini juga disokong oleh Akademi Fiqh Islam Antarabangsa (IIFA, Resolusi No. 93, 2003) yang menyatakan anestetika tempatan tidak membatalkan puasa selagi ia tidak mengandungi bahan berkhasiat.

Dalam aspek lain, isu kehalalan bahan pergigian sering menjadi perbincangan dalam fiqh pergigian. Bahan pergigian moden sering bergantung kepada biomaterial yang berasal daripada sumber tidak halal, seperti kolagen babi dalam graft tulang atau disinfektan berasaskan alkohol.

Dalam kes ini, prinsip darurat (keperluan mengatasi larangan) memainkan peranan penting. Al-Quran menyatakan: “Dia telah menjelaskan kepada kamu secara terperinci apa yang diharamkan kepada kamu, kecuali dalam keadaan

darurat.” (Surah Al-An'am 6:119)

Prinsip ini membolehkan penggunaan bahan tidak halal sekiranya tiada alternatif yang tersedia dan rawatan tersebut amat diperlukan.

### CABARAN DAN PELUANG

Pergigian halal bukan sahaja berkait dengan aspek agama dan penjagaan kesihatan tetapi juga dipengaruhi faktor geopolitik dan ekonomi global.

Industri halal global dijangka mencapai AS\$ 5 trilion (RM22 trilion) menjelang 2030, memberikan peluang besar kepada industri pergigian halal untuk berkembang. Namun, terdapat beberapa cabaran yang perlu diatasi bagi memastikan industri ini berkembang dengan lebih baik.

Salah satu cabaran utama adalah ketidaktepatan standard pensijilan halal.

Negara-negara seperti Malaysia, Indonesia dan UAE mempunyai badan pensijilan halal yang kukuh tetapi standard ini masih belum diiktiraf secara universal. Oleh itu, perbezaan dalam kriteria pensijilan antara negara menjadi cabaran utama dalam mewujudkan rantaian bekalan bahan pergigian halal yang konsisten.

Selain itu, halangan politik dan peraturan antarabangsa turut memberi kesan kepada perkembangan industri ini. Di beberapa negara Eropah, produk halal menghadapi

sekatan atas alasan sekularisme atau kebajikan haiwan, yang secara tidak langsung menyukarkan perkembangan pergigian halal.

Terdapat juga salah faham tentang prinsip halal dalam kesihatan. Dalam sesetengah masyarakat, halal dikaitkan dengan aspek keagamaan semata-mata, tanpa melihatnya sebagai satu sistem yang menekankan kebersihan, keselamatan dan etika perubatan.

Walaupun terdapat cabaran ini, Malaysia mempunyai peluang besar untuk terus mengembangkan sektor pergigian halal melalui beberapa langkah strategik, iaitu:

- Membangunkan standard halal pergigian yang boleh diterima secara global melalui kerjasama dengan Pertubuhan Kerjasama Islam (OIC) dan Majlis Halal Dunia.

- Menyokong penyelidikan dan pembangunan bahan pergigian halal yang inovatif.

- Meningkatkan kesedaran masyarakat dan profesional pergigian mengenai kepentingan pergigian halal melalui pendidikan dan latihan.

- Mengukuhkan Malaysia sebagai hab pelancongan perubatan halal dengan menawarkan rawatan pergigian halal kepada pesakit antarabangsa.

Masa hadapan pergigian halal di Malaysia sangat cerah, dengan potensi besar untuk menjadi peneraju global dalam bidang ini. Dengan standardisasi pensijilan halal, kerjasama antara disiplin, peningkatan pendidikan dan kesedaran serta pelaburan dalam penyelidikan dan inovasi, Malaysia boleh menetapkan penanda aras bagi amalan pergigian halal yang beretika, selamat dan patuh syariah.

Dengan strategi yang betul, Malaysia boleh terus membangunkan sektor ini bukan sahaja untuk manfaat penduduk tempatan, tetapi juga untuk memenuhi keperluan umat Islam di seluruh dunia.

PROFESOR Madya Kapten (B) Dr. Mohd Haikal Muhamad Halli ialah Dekan Kulliyah Pergigian, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Kampus Kuantan.